

05/06/2001

Projek pembangunan wajib jalani penilaian

KUANTAN, Isnin - Kerajaan disaran mewajibkan semua projek pembangunan yang akan dilaksanakan di negara ini supaya menjalankan penilaian berhubung kesan terhadap faktor sosial dan perpaduan.

Jika hasil penilaian yang dilakukan kelak mendapati projek terbabit boleh menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat pelbagai kaum, ia perlu diberi pertimbangan semula atau kaedah tertentu perlu dicari bagi mengatasi masalah yang timbul.

Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye, berkata cadangan supaya kerajaan melaksanakan penilaian sosial dan perpaduan terhadap projek pembangunan itu diputuskan Jawatankuasa Perpaduan dan Integrasi di bawah Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen II).

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa itu, berkata cadangan berkenaan sudah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir tahun lalu, tetapi setakat ini, kerajaan belum memutuskan mengenainya.

Katanya, kajian yang hampir menyamai kaedah Penilaian Terhadap Kesan Alam Sekitar (EIA) yang diwajibkan kepada pemaju itu, penting kerana selain mengejar pembangunan, ia juga perlu mempunyai unsur yang boleh menyumbang kepada perpaduan kaum di negara ini.

Lee berkata, usaha memastikan perpaduan negara terus mantap bukan sahaja menjadi tanggungjawab kerajaan, sebaliknya ia turut membabitkan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Dalam Mapen II, kita sudah mencadangkan kepada kerajaan supaya mewajibkan setiap projek pembangunan yang akan dijalankan di negara ini, perlu menjalankan penilaian kesannya terhadap faktor sosial dan perpaduan bagi memastikan ia boleh menyatupadukan rakyat.

"Jika EIA dilakukan untuk menilai sama ada projek itu memberi kesan negatif kepada alam sekitar atau sebaliknya, kajian terhadap sosial dan perpaduan ini pula penting kerana dapat memberi maklumat awal berhubung kesan sesuatu projek itu terhadap perpaduan.

(END)